

'Biar pihak lain komen dulu'

KEPALA BATAS 13 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu mendengar pandangan pihak-pihak lain terlebih dahulu berhubung kenyataan yang menyifatkan tindakan berterusan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengkritik pemimpin dan kerajaan, sebagai usaha cuba menjatuhkannya.

"Saya tidak boleh komen yang itu. Biar dia orang komen dulu, saya dengar kemudian," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz di Kuala Kangsar semalam.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Pengasas Yayasan Budi Penyayang dan Bank Muamalat Malaysia Berhad yang terletak di Kompleks Budi Penyayang di sini hari ini.

Semalam, Mohamed Nazri mempersoalkan kenyataan Dr. Mahathir bahawa beliau tidak berniat memecahbelahkan UMNO sambil berkata, tindakan bekas Perdana Menteri itu yang terus mengkritik pemimpin dan kerajaan, bertujuan menghancurkan parti serta menjatuhkan Abdullah.

Malah, Mohamed Nazri juga sanggup menjadi pendekar bagi pembela UMNO daripada terus dikritik Dr. Mahathir.